

Analisis Psikometrik Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

MOHD SOBHI ISHAK
Universiti Utara Malaysia

AZIZAH SARKOWI
IPG Kampus Darulaman, Kedah

ABSTRAK

Facebook merupakan platform komunikasi maya yang paling popular dalam kalangan pengguna media sosial di seluruh dunia. Kajian ini bertujuan mengenalpasti analisis psikometrik Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook versi terjemahan Bahasa Melayu. Kajian pertama melibatkan 145 pemilik akaun Facebook dalam kalangan penjawat awam di negeri Kedah yang ditentukan melalui kaedah persampelan rawak mudah. Borang soal selidik mengandungi maklumat demografi dan 18 item Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook yang diadaptasi daripada Skala Pengurusan Privasi Blog. Item asal skala dinilai menggunakan Analisis Faktor Penerokaan (EFA). Empat model hipotesis diuji bagi menilai susunan struktur skala terbaik berdasarkan Analisis Faktor Pengesahan (CFA). Dapatan EFA menunjukkan komponen Sempadan Pemilikan, Sempadan Hubungan dan Sempadan Kebolehtelapan dalam skala ini terbentuk berdasarkan 12 item yang masih menepati konsep asal Teori Pengurusan Privasi Komunikasi. Analisis CFA menunjukkan model multidimensi yang dibentuk mencapai keesahan konvergen dan ketepatan padanan yang baik. Kajian kedua melibatkan 138 orang pelajar Universiti Awam untuk menentukan kekukuhan skala kajian. Borang soal selidik secara dalam talian telah disebarikan yang mengandungi maklumat demografi, Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook dan Kesedaran Kendiri. Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dalam kajian kedua menunjukkan model multidimensi tiga faktor Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook mencapai kebolehpercayaan, kesahan konvergen, kesahan diskriminan, kesahan nomologikal, dan kesahan prediktif yang baik. Kesimpulannya, Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook yang diterjemah ke Bahasa Melayu ini sesuai digunakan dalam konteks kajian di Malaysia.

Kata kunci: *Teori pengurusan privasi komunikasi, pengukuran privasi komunikasi Facebook, kesedaran sendiri, kesahan, kebolehpercayaan.*

Psychometric Analysis of Facebook Communication Privacy Measurement Scale

ABSTRACT

Facebook is the most popular virtual communications platform among social media users around the world. This study is to identify the psychometric analysis of Facebook Privacy Communications Management Measurement Scale of the translated version of Bahasa Melayu. The first study involved 145 Facebook account owners among civil servants in Kedah determined by simple random sampling method. The questionnaire contains demographic information and 18 items of Facebook

Communications Privacy Measurement Scale adopted from the Blog's Privacy Management Scale. The original items are rated using the Exploration Factor Analysis (EFA). Four hypothesis models were tested to assess the structure of the best scale based on Confirmatory Factor Analysis (CFA). EFA findings show three components of the scale, namely the Boundary of Ownership, Boundary of Relationship and Boundary of Permeability was formed on 12 items that conform to the original concepts of Communication Privacy Management Theory. The CFA analysis shows a multidimensional model formed to achieve a convergent validity and goodness-of-fit. The second study involved 138 public university students to determine the strength of the study scale. An online questionnaire was disseminated containing demographic information, Facebook Communications Privacy Measurement Scale and Self-consciousness Scale. The Confirmatory Factor Analysis (CFA) in the second study shows that the three factor multidimensional model of Facebook's Facebook Privacy Management Measurement Scale attains a reliability, convergence validity, discriminant validity, nomological validity, and predictive validity. In conclusion, Facebook's Communications Privacy Measurement Scheme translated into Bahasa Melayu is suitable for use in the context of study in Malaysia.

Keywords: *Communication privacy management theory, Facebook privacy communication scale, self-consciousness, validity, reliability.*

PENGENALAN

Komunikasi secara maya telah menjadi lumrah dalam kehidupan masyarakat dewasa ini. Keadaan ini semakin ketara dengan kewujudan rangkaian sosial dalam talian seperti Facebook, blog dan Twitter. Kini, aplikasi Facebook yang wujud sejak lebih sedekad lalu telah menjadi aplikasi media sosial yang paling popular dalam kalangan pengguna Internet di seluruh dunia (Nielsen, 2016; Statista, 2017). Pengguna Facebook Malaysia kini telah mencecah sehingga 19 juta pengguna yang meliputi hampir 90 peratus pengguna Internet di negara ini (Internet World Stats, 2017). Rakyat Malaysia didapati mempunyai 1.6 kali ganda rakan Facebook berbanding purata global. Populariti Facebook telah menjadikan pengguna bergantung kepada platform alternatif ini untuk berinteraksi bersama keluarga, rakan, teman sekerja, dan pelbagai jenis perhubungan lain (Child & Westermann, 2013; Fox, Osborn & Warber, 2014; Abbas & Mesch, 2016; Su & Chan, 2017). Statistik menunjukkan 78 peratus pengguna di negara ini mengakui bahawa penggunaan media sosial khususnya Facebook telah memberi kesan positif terhadap komunikasi bersama rakan dan keluarga (Hoe & Rees, 2016).

Konsep keterbukaan Facebook membolehkan sesiapa sahaja mengakses maklumat mengenai seseorang individu sama ada individu tersebut dikenali atau tidak. Keadaan ini meningkatkan risiko pencerobohan maklumat (Kisekka, Bagchi-Sen & Rao, 2013; Child & Starcher, 2016). Keberkesanan pengurusan komunikasi ini pula amat bergantung kepada kepelbagaian pengguna dari aspek jenis perhubungan, peranan, konteks dan fungsi sesuatu interaksi (Child & Starcher, 2016; Miller, Danielson, Parcell, Nicolini & Boucher, 2016; Rosenthal, Buka, Marshall, Carey & Clark, 2016; Oeldorf-Hirsch, Birnholtz & Hancock, 2017).

Sejak kebelakangan ini kajian berkaitan pengurusan privasi komunikasi Facebook telah menarik perhatian ramai pengkaji di Barat (antaranya Child & Starcher, 2016; De Wolf, Willaert & Pierson, 2014; Miller, Danielson, Parcell, Nicolini & Boucher, 2016; Rosenthal, Buka, Marshall, Carey & Clark, 2016; Oeldorf-Hirsch, Birnholtz & Hancock, 2017; Zlatolas, Welzer, Heričko &

Hölbl, 2015). Peningkatan ketara kajian ini berlaku apabila Skala *Blogging Privacy Management Measure* (Child, Pearson & Petronio, 2009) telah diadaptasi oleh Frampton dan Child (2013) dalam persekitaran Facebook. Di Malaysia, kajian berkaitan Facebook masih tertumpu kepada corak dan kesan penggunaan Facebook (Warren, Sulaiman & Jaafar, 2015; Warren, Jaafar & Sulaiman, 2016; Abdulahi, Samadi & Gharleghi, 2014). Majoriti kajian tertumpu kepada pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai responden kajian kerana mereka berada dalam kelompok pengguna utama Facebook (Jafarkarimi, Sim, Saadatdoost & Hee, 2016; Helou & Rahim, 2014; Naeemi, Tamam, Hassan & Bolong, 2014; Zaremohzzabieh, Samah, Omar, Bolong & Kamarudin, 2014; Omar & Subramanian, 2014). Selari dengan perkembangan kajian Facebook di Barat, kajian di negara ini seharusnya diperluaskan kepada kajian berkaitan pengurusan penggunaan Facebook sebagai medium komunikasi dalam persekitaran digital bagi membina kebertanggungjawaban kepada setiap individu.

Kajian ini bertujuan mengenalpasti ciri psikometrik Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook versi Bahasa Melayu yang telah diadaptasi daripada *Blogging Privacy Management Measure* (Child, Pearson & Petronio, 2009) yang dijalankan dalam dua siri kajian. Pelaksanaan kajian ini disusun berdasarkan kaedah pembangunan dan pengujian psikometrik yang dicadangkan oleh De Vellis (2017). Hasil kajian ini diharapkan dapat membuka satu dimensi baru dalam kajian berkaitan penggunaan Facebook di Malaysia. Analisis faktor penerokaan (EFA) dan analisis faktor pengesahan (CFA) telah digunakan bagi mengenal pasti kesahan konvergen dan kebolehpercayaan skala pengukuran dalam kajian pertama. Seterusnya, kesahan diskriminan dan kesahan prediktif skala kajian diuji pula bersama Skala Kesedaran Kendiri (*Self-Consciousness Scale*) (Scheier & Carver, 1985) dalam kajian kedua. Oleh kerana penggunaan Facebook kini telah merentasi sempadan umur dan kerjaya (Internet World Stats, 2017), kajian ini dijalankan terhadap dua kelompok pengguna berbeza iaitu penjawat awam dan pelajar IPT bagi mendapat konsistensi ciri psikometrik.


PENGURUSAN PRIVASI KOMUNIKASI

Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (*Communication Privacy Management - CPM*) merupakan teori komunikasi yang dapat menjelaskan proses pendedahan maklumat sendiri dalam persekitaran digital (Petronio, 2002; Child et al., 2009). Setiap individu mempunyai tujuan yang pelbagai semasa berkongsi maklumat. Sebagai contoh, pendedahan maklumat privasi kepada individu yang mempunyai kepentingan di dalam hidup seseorang sama ada dalam hubungan persahabatan, keluarga dan organisasi akan menguatkan lagi perhubungan di antara mereka (Kennedy-Lightsey & Frisby, 2016; Millham & Atkin, 2017; Yang, Pulido, & Yowei, 2016). Walau bagaimanapun, seseorang individu boleh membuat pilihan, sama ada untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada orang lain bagi memenuhi keperluan sosial atau menghadkan pendedahan maklumat untuk tujuan keselamatan dan menjaga hak autonomi maklumat tertentu.

Teori CPM mempunyai lima prinsip teras (lihat Rajah 1) bagi menjelaskan konsep sempadan privasi (Petronio, 2002). Prinsip pertama iaitu pemilikan dan kawalan privasi maklumat menjelaskan bahawa seseorang itu mempunyai kepercayaan bahawa mereka

memiliki dan mempunyai hak ke atas privasi maklumat mereka (Petronio, 2002; Child et al., 2009). Oleh itu, pemilik maklumat berhak menentukan sempadan aliran maklumat. Prinsip kedua berkaitan dengan peraturan menyembunyikan dan mendedahkan. Seseorang itu mempunyai pilihan sama ada untuk menyembunyikan atau mendedahkan privasi maklumat yang dimilikinya (Petronio, 2002).

Prinsip ketiga ialah pendedahan maklumat mewujudkan pemilikan bersama. Apabila sesuatu maklumat didedahkan, seseorang itu tidak boleh menganggap dirinya sahaja yang boleh menentukan sama ada mahu menyimpan atau mendedahkan privasi maklumat tertentu. Mereka ini secara tidak langsung menjadi pemilik bersama yang mengetahui maklumat yang dikongsi sama ada disukai atau sebaliknya oleh pemilik maklumat tersebut (Petronio, 2002). Prinsip keempat ialah menyelaraskan sempadan privasi secara bersama. Pemilik bersama perlu berbincang dan mencapai persetujuan secara bersama tentang peraturan privasi, sama ada untuk mendedahkan dan berkongsi privasi maklumat berkenaan ataupun sebaliknya (Petronio, 2002). Prinsip ini menerangkan bahawa persetujuan secara bersama tentang sempadan privasi boleh difokuskan kepada tiga elemen persempadanan iaitu sempadan pemilikan, sempadan hubungan dan sempadan kebolehtelapan. Manakala prinsip terakhir pula adalah berkaitan dengan pergolakan sempadan yang merujuk kepada satu gangguan tentang cara kawalan dan seliaan ke atas aliran privasi maklumat kepada pihak ketiga (Petronio, 2002).



Rajah 1: Teori Pengurusan Privasi Komunikasi

PENGURUSAN PRIVASI KOMUNIKASI FACEBOOK

Teori CPM pada asasnya menerangkan pengurusan privasi dari dua perspektif (Petronio, 1991, 2002). Pertama dari perspektif perkongsian maklumat yang dimiliki dengan orang lain, dan kedua dari perspektif kebenaran kepada orang lain untuk mengakses maklumat yang dimiliki oleh seseorang individu. Dalam konteks penggunaan media sosial, kedua-dua perspektif ini mewujudkan sempadan maklumat secara kolektif (Child & Petronio, 2011; Child, Haridakis, & Petronio, 2012). Pemilik akaun Facebook akan mewujudkan satu kerangka persempadanan tentang sejauh mana mereka akan berkongsi maklumat dan sejauhmana mereka akan

membenarkan rakan Facebook mereka memiliki maklumat tersebut. Keadaan ini berlaku kerana maklumat dalam Facebook adalah hak bersama antara pemilik akaun Facebook dan rakan. Pemilik bersama perlu berbincang dan mencapai persetujuan secara bersama tentang peraturan privasi, sama ada untuk mendedahkan dan berkongsi privasi maklumat berkenaan ataupun sebaliknya (Petronio, 2002). Menurut Petronio (2002), prinsip ini menerangkan bahawa persetujuan secara bersama tentang sempadan privasi boleh difokuskan kepada tiga elemen persempadanan iaitu sempadan pemilikan, sempadan hubungan, dan sempadan kebolehtelapan (Child et al., 2009; Child & Starcher, 2016).

Pendedahan seseorang terhadap maklumat yang dimilikinya bergantung kepada peraturan sistem pengurusan maklumat iaitu tahap capaian maklumat yang dibenarkan (Petronio, 1991, 2002, 2010). Sempadan pemilikan menerangkan tentang siapa yang sepatutnya menentukan sempadan privasi dan setakat mana privasi maklumat tersebut boleh didedahkan. Sebahagian pengguna Facebook membenarkan perkongsian maklumat mereka kepada semua rakan mereka tanpa sempadan dan kurang memberi perhatian kepada hak pemilikan dan keutamaan untuk menyimpan sebahagian maklumat yang bersifat peribadi dan privasi dalam Facebook mereka. Sempadan hubungan menunjukkan satu kesepakatan yang dibentuk dalam kalangan pemilik bersama tentang siapa lagi yang boleh mengetahui atau berkongsi privasi maklumat yang dipaparkan dalam Facebook. Sempadan kebolehtelapan menerangkan sebanyak mana privasi maklumat berkenaan boleh dikongsi bersama atau sejauh mana dapat menembusi sempadan privasi yang telah ditetapkan. Pengguna Facebook yang menguruskan privasi mereka dengan baik akan menunjukkan kewujudan sempadan kebolehtelapan yang tinggi (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Petronio, 2002).

KESEDARAN KENDIRI

Kesedaran sendiri adalah merujuk kepekaan individu terhadap tindakan untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada orang lain (Archer & Burleson, 1980). Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pendedahan maklumat akan meningkatkan hubungan interpersonal dan memudahkan komunikasi berlaku (Lowry et al., 2011). Walau bagaimanapun, pendedahan yang tidak terkawal akan meningkatkan peluang pencerobohan maklumat. Justeru itu, apabila seseorang berhasrat untuk mendedahkan maklumat, ia perlu mempunyai kesedaran tentang mudarat dan manfaat tindakan tersebut (Sherby, 2005; Krasnova, Spiekermann, Koroleva, & Hildebrand, 2010). Semakin tinggi ketelusan sesuatu maklumat maka semakin tinggi pendedahan sendiri seseorang (Joinson, 2001).

Kajian ini mengaplikasikan skala kesedaran sendiri bagi mengenalpasti kesahan diskriminan Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook. Pemilihan skala ini dibuat berdasarkan dapatan kajian lepas yang menunjukkan perkaitan antara penglibatan dalam komunikasi berperantara komputer dengan kesedaran sendiri (Doherty & Schlenker, 1991; Joinson, 2001). Dapatan yang sama dalam kajian berkaitan media sosial yang menunjukkan kaedah pengurusan privasi mempunyai kaitan dengan kesedaran sendiri peribadi dan publik (Child et al., 2009; Child & Agyeman-Budu, 2010).

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian pertama dijalankan terhadap 145 orang penjawat awam di negeri Kedah yang berumur antara 20 hingga 60 tahun. Responden dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah ke atas populasi seramai 250 penjawat awam yang bertugas dalam lima jabatan kerajaan terpilih. Soal selidik diedarkan melalui ketua jabatan masing-masing dan dikutip dalam tempoh seminggu. Seramai 69 (47.6%) responden adalah lelaki dan 76 (52.4%) adalah perempuan. Responden yang terpilih mempunyai akaun Facebook dalam tempoh 1 hingga 10 tahun.

Kajian kedua dijalankan terhadap 138 orang pelajar Universiti Awam berumur di antara 20 hingga 24 tahun. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mendapat pengguna Facebook yang aktif. Kutipan data dijalankan secara rawak berdasarkan kelas mengikut cabutan rawak ke atas lima kelas dalam lima bidang dan tahun pengajian berbeza. Seramai 29 (21%) responden adalah lelaki dan 109 (79%) responden adalah perempuan. Kesemua responden mempunyai akaun Facebook kurang daripada 5 tahun. Majoriti mempunyai satu akaun Facebook (83.3%), manakala selebihnya mempunyai 2 atau 3 akaun. Kebanyakan responden melayari Facebook dalam tempoh setengah jam (31.2%). Maklumat berkaitan pemilikan dan penggunaan Facebook bagi kedua-dua kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Responden Berkaitan Pemilikan dan Penggunaan Facebook Kajian 1 dan 2

Profil	Kajian 1 (N=145)		Kajian 2 (N=138)	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Tempoh Mempunyai Akaun Facebook				
1-5 tahun	84	57.9	138	100
6-10 tahun	61	42.1	-	-
Bilangan akaun Facebook				
1 akaun	111	76.6	115	83.3
2 akaun	16	11.0	17	12.3
3 akaun	12	8.3	6	4.4
4 akaun	6	4.1	-	-
Tempoh Melayari Facebook (Dalam Sehari)				
<10 minit	12	8.3	10	7.2
10-30 minit	46	31.7	43	31.2
31-60 minit	34	23.4	29	21.0
1-2 jam	30	20.7	20	14.5
2-3 jam	14	9.7	11	8.0
>3 jam	9	6.2	25	18.1

KAJIAN PERTAMA

Langkah pertama dalam proses mengadaptasi instrumen pengukuran dalam persekitaran budaya yang berbeza ialah melalui kaedah penterjemahan. Selepas diterjemah, instrumen telah ditadbir kepada sekumpulan kakitangan perkhidmatan awam. Tujuan kajian pertama adalah untuk: (1) mengenal pasti struktur faktor Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi

Facebook dengan menggunakan analisis faktor penerokaan, (2) mengenal pasti struktur model pengukuran dengan menggunakan analisis faktor pengesahan.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian digunakan sebagai instrumen kajian ini. Bahagian A terdiri daripada maklumat umum berkenaan pemboleh ubah demografi iaitu jantina, umur, dan maklumat pemilikan dan penggunaan Facebook. Bahagian B mengandungi Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook yang diadaptasi daripada skala Pengurusan Privasi Blog (Child, Pearson & Petronio, 2009) dan diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia. Skala mengandungi 18 item dan diukur menggunakan skala sela tujuh tahap iaitu daripada 1=sangat tidak setuju hingga 7=sangat setuju. Skala pengukuran ini mengukur tahap sempadan pemilikan, sempadan kebolehtelapan dan sempadan hubungan yang dibina berdasarkan Teori CPM (Petronio, 2002).

Penganalisan Data

Data kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk memperihalkan profil responden kajian dan Analisis Faktor Penerokaan (*Exploratory Factor Analysis – EFA*) berbantuan perisian IBM SPSS 19.0. Penganalisan EFA merupakan asas penting bagi memantapkan pembangunan konstruk (Schumacker & Lomax, 2010). Kegunaan utama EFA ialah untuk mengurangkan bilangan item dan mengesan struktur hubungan antara item yang membentuk dimensi konstruk (Hair et al., 2010). Dalam kajian ini analisis komponen prinsipal (*Principal component analysis*) dengan putaran *varimax* digunakan bagi menentukan bilangan komponen.

Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis – CFA*) pula dilaksanakan dengan berbantuan perisian AMOS 22.0. CFA bertujuan untuk menentukan bilangan item yang dimasukkan ke dalam konstruk selari dengan apa yang dinyatakan dalam teori (Byrne, 2010). Kesahan konvergen ditentukan berdasarkan nilai pemberatan faktor melebihi 0.5 (Byrne, 2010; Hair et al., 2010). Penilaian ketepatan padanan model CFA pula ditentukan berdasarkan kombinasi sekurang-kurangnya satu *Absolute Fit Indices* dan satu *Incremental Fit Indices* (Hu & Bentler, 1999; Hair et al., 2010) dan *Parsimony Fit Indices* (PFI) (Hair et al., 2010). Ujian ketepatan padanan digunakan untuk menentukan sama ada model yang diuji patut diterima atau ditolak. Walau bagaimanapun, tidak terdapat satu peraturan khusus yang dapat menentukan apakah indeks kesepadanan yang perlu dilaporkan bagi sesuatu model (Hooper, Coughlan, & Mullen, 2008; Hair et al., 2010). Penggunaan tiga atau lebih indeks kesepadanan adalah memadai bagi membuktikan sesebuah model mencapai ketepatan padanan, tanpa perlu melaporkan kesemua indeks ketepatan padanan yang wujud (Hair et al., 2010). Kajian ini menetapkan enam petunjuk model kesepadanan dan nilai kesepadanan yang diterima seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Petunjuk Model Kesepadanan Kajian

Indeks Kesepadanan	Nilai Kesepadanan Diterima
	Absolute Fit Indices (AFI)
Khi kuasa dua, χ^2	Nilai χ^2 rendah secara relatif terhadap darjah kebebasan dengan nilai p tidak signifikan ($p > 0.05$).
Khi Kuasa Dua Relatif, χ^2/df	2:1 (Tabachnick & Fidell, 2007) 3:1 (Hair et al., 2010; Kline, 2011)
Root Mean Square Error of Approximation (RMSEA)	Nilai RMSEA < 0.07 (Bryne, 2001, Kline 2011; Schumacker & Lomax, 2010) 0.03 < Nilai RMSEA < .0.08 (Hair et al., 2010)
	Incremental Fit Indices (IFI)
Comparative Fit Index (CFI)	Nilai CFI > 0.90 (Bryne, 2001; Hair et al., 2010; Kline 2011; Schumacker & Lomax, 2010)
	Parsimony Fit Indices (PNFI)
Parsimony Normed Fit Index (PNFI)	Nilai PNFI > 0.60 (Garson, 2009)

Dapatan Kajian

Analisis Faktor Penerokaan Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

Konstruk Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook yang diuji terdiri daripada 18 item. Nilai *Kaiser-Meyer Olkin Measure of Sampling Adequacy* (KMO) = 0.696 adalah melebihi nilai > 0.6 untuk memenuhi keperluan kebolehfaktor (Hair et al., 2010). Manakala nilai *Bartlett's test* adalah signifikan ($p < .05$). Hal ini menunjukkan bahawa item-item yang digunakan dalam Analisis Faktor Penerokaan kajian ini mempunyai kekuatan interkorelasi yang baik di antara satu sama lain. Jadual 3 menunjukkan dapatan kebolehfaktor matriks korelasi konstruk ini.

Jadual 3: Kebolehfaktor Matriks Korelasi Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.696
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<i>Approx. Chi-Square</i>	764.538
	Df	153
	Sig.	.000

Analisis Komponen Utama (*Principal Component Analysis*) menunjukkan kehadiran lima faktor komponen faktor dengan nilai eigen melebihi 1, dengan julat varians di antara 6.02 peratus hingga 22.7 peratus. Walau bagaimanapun, pemerhatian terhadap rajah *scree plot* menunjukkan tiga komponen lebih sesuai membentuk komponen Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook. Tiga komponen ini menjelaskan sebanyak 46.06 peratus varians dalam Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook. Komponen sempadan kebolehtelapan menyumbang sebanyak 22.74 peratus terhadap varians skala. Komponen kedua iaitu sempadan pemilikan menyumbang sebanyak 15.22 peratus varians skala. Komponen yang terakhir iaitu sempadan hubungan menyumbang sebanyak 8.65 peratus kepada varians skala. Jadual 4 menunjukkan 12 item yang termuat ke dalam konstruk ini mencapai kesahan konvergen yang baik berdasarkan nilai pemuatan faktor di antara .545 hingga .852.

Empat item dimuat masuk ke dalam komponen pertama iaitu sempadan kebolehtelapan. Nilai *alfa cronbach* (α) digunakan bagi mengukur ketekalan dalaman komponen dan hasil analisis menunjukkan kebolehpercayaan yang baik ($\alpha = .761$). Empat item dimuat masuk ke dalam komponen kedua iaitu sempadan pemilikan dan turut mencapai kebolehpercayaan yang baik ($\alpha = .708$). Terakhir, empat item membentuk komponen sempadan hubungan dan mencapai kebolehpercayaan yang baik ($\alpha = .752$). Keseluruhannya, nilai kebolehpercayaan kesemua item skala Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook ($\alpha = .671$) adalah diterima bagi kajian penerokaan ini berdasarkan nilai $\alpha > 0.6$ (Hair et al., 2010).

Jadual 4: Analisis Faktor Penerokaan, Statistik Deskriptif dan Kebolehpercayaan Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

Item	Pemuatan Faktor (λ) Komponen			Statistik Deskriptif		
	1	2	3	Min	S.P	
Komponen 1: Sempadan kebolehtelapan ($\alpha = .761$)						
PVS01	Apabila saya menghadapi cabaran dalam kehidupan, saya berasa selesa bercakap tentangnya dalam Facebook.	.835	-.035	.130	2.40	1.33
PVS02	Saya suka entri Facebook saya menjadi panjang dan terperinci.	.582	.032	.142	3.25	1.41
PVS03	Saya suka untuk membincang hal-hal berkaitan kerja di Facebook.	.684	.053	.151	2.95	1.55
PVS04	Saya sering memberitahu hal-hal peribadi di Facebook tanpa keraguan.	.770	-.077	.044	2.12	1.18
Komponen 2: Sempadan pemilikan ($\alpha = .708$)						
PVS07	Saya menghadkan maklumat peribadi yang dikongsi dalam Facebook.*	.131	.672	.013	3.17	1.90
PVS08	Sekiranya saya merasakan maklumat yang dikongsi kelihatan terlalu peribadi, saya akan memadamnya.*	.067	.852	-.002	2.46	1.77
PVS09	Saya tidak memuat naik topik-topik tertentu kerana saya bimbang siapa yang mempunyai akses.*	-.121	.756	.008	2.69	1.79
PVS11	Saya kebiasannya lambat untuk memperkatakan isu-isu semasa kerana orang lain mungkin telah memperkatakannya.*	-.009	.528	-.115	3.03	1.592
Komponen 3: Sempadan hubungan ($\alpha = .752$)						
PVS15	Saya memberi komen profil Facebook saya supaya orang lain mudah mengaksesnya.	.290	-.168	.545	3.20	1.46
PVS16	Saya cuba untuk membiarkan orang ramai tahu tentang minat utama saya agar saya mendapat rakan-rakan.	.305	.047	.677	2.80	1.49
PVS17	Saya membenarkan orang lain mengakses profil Facebook saya melalui pelbagai cara: direktori, kata kunci, enjin carian.	.148	-.121	.752	2.12	1.65
PVS18	Saya sering membuat pautan ke laman web yang menarik untuk meningkatkan trafik Facebook saya.	.019	-.039	.824	2.49	1.41

Nota: *Item yang telah dikod semula

Jadual 5 menunjukkan item-item yang tidak termuat ke dalam komponen yang dibentuk iaitu PVS05, PVS06, PVS10, PSV12, PSV13 dan PVS14. Enam item asal dikeluarkan dari konstruk kajian disebabkan nilai pemberatan faktor kurang daripada .45 berdasarkan saiz sampel 145 yang digunakan (Hair et al., 2010). Kesemua item ini digugurkan kerana tidak menjadi sebahagian daripada komponen bagi setiap sempadan. Item PVS05 ($\lambda=.052$) dan PVS06 ($\lambda=.397$) tidak termuat ke dalam sempadan kebolehtelapan manakala item PVS10 ($\lambda=.043$) dan PVS12 ($\lambda=.335$) tidak termuat ke dalam sempadan pemilikan. Dua item pula iaitu PVS13 ($\lambda=.052$) dan PVS14 ($\lambda=.397$) tidak termuat ke dalam sempadan hubungan.

Jadual 5: Item Yang Tidak Termuat Dalam Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

Item		Pemuatan faktor (λ)	Min	S.P
Komponen 1: Sempadan kebolehtelapan				
PVS05	Saya berkongsi maklumat dengan orang yang tidak dikenali dalam kehidupan seharian saya.	.052	2.59	1.57
PVS06	Saya kerap mengemaskini Facebook saya.	.397	2.61	1.41
Komponen 2: Sempadan Pemilikan				
PVS10	Melihat butiran peribadi tentang orang lain, menyebabkan saya berasa perlu untuksaya menyimpan maklumat peribadi mereka.*	.043	3.37	1.56
PVS12	Saya menggunakan perkataan atau simbol ringkas apabila membincangkan maklumat sensitif supaya orang lain mempunyai akses yang terhad untuk mengetahui maklumat peribadi saya.*	.335	3.33	1.61
Komponen 3: Sempadan hubungan				
PVS13	Saya memberi komen dalam Facebook supaya orang lain melayari Facebook saya.	-.142	6.41	1.20
PVS14	Saya membuat profil dalam Facebook saya supaya orang lain yang mempunyai minat yang sama boleh berhubung dengan saya.	.059	4.68	1.39

Nota: *Item yang telah dikod semula

Analisis Faktor Pengesahan Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook

Teknik CFA digunakan bagi mengenal pasti struktur model pengukuran yang paling sesuai sama ada unidimensi atau multidimensi. Empat jenis model struktur telah dibangunkan dalam kajian ini bagi membanding struktur komponen item kajian.

Model pertama mengukur keseluruhan 12 item sebagai satu komponen (unidimensi) pengurusan privasi komunikasi. Model kedua dibentuk berdasarkan tiga komponen teori Pengurusan Privasi Komunikasi dan dapatan analisis faktor penerokaan (Sempadan Kebolehtelapan, Sempadan Pemilikan, dan Sempadan Hubungan). Bagi model kedua ini, ketiga-tiga komponen tersebut tidak dikorelasi. Dalam model ketiga, tiga komponen peringkat pertama yang dibentuk dikorelasikan di antara satu sama lain. Model keempat pula melibatkan model pengukuran dua peringkat iaitu peringkat pertama (Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook) dan peringkat kedua (tiga komponen skala ini iaitu Sempadan Kebolehtelapan, Sempadan Pemilikan, dan Sempadan Hubungan).

Dapatan analisis ketepatan padanan bagi model-model yang dibentuk ditunjukkan dalam Jadual 6. Model pertama iaitu satu komponen menunjukkan model tidak mencapai ketepatan padanan yang baik. Model kedua iaitu model tiga komponen tidak berkorelasi juga menunjukkan model masih tidak mencapai ketepatan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan ketepatan padanan dalam model kedua berbanding dengan model pertama iaitu berdasarkan perbezaan nilai $\chi^2 = 129.90$, $df = 11$, $p < 0.05$. Dalam model ketiga, tiga komponen dikorelasikan dan menunjukkan ketepatan padanan yang baik. Terdapat peningkatan ketepatan padanan yang ketara dalam model ketiga berbanding dengan model pertama dengan perbezaan nilai $\chi^2 = 44.11$, $df = 11$, $p < 0.05$. Petunjuk ketetapan padanan yang lain juga mencapai nilai minimum yang ditetapkan ($\chi^2/df=1.61$, RMSEA=0.065, CFI=0.924, PNFI=0.640). Dalam model ketiga kesemua 12 item dimuat masuk secara signifikan berdasarkan nilai pemberatan faktor (λ) melebihi > 0.50 dan mencapai kesahan konvergen (Hair et al., 2010). Ini menunjukkan item yang dimuat masuk dalam model ketiga bertepatan dengan teori Pengurusan Privasi Komunikasi dalam konteks penggunaan Facebook.

Model keempat pula menunjukkan ketepatan padanan model yang baik secara keseluruhannya berbanding model ketiga. Model CFA peringkat kedua ini mencapai kesahan konvergen berdasarkan nilai pemberatan faktor (λ) melebihi 0.50. Nilai CFI telah meningkat daripada 0.924 kepada 0.926. Terdapat juga peningkatan bagi nilai PNFI daripada 0.640 kepada 0.652. Nilai χ^2/df dan RMSEA juga mencapai ketepatan padanan yang lebih baik. Nilai pekali sasaran (T) dikira bagi menentukan model yang lebih baik antara model ketiga dan model tahap kedua iaitu model keempat. Nilai pekali sasaran ialah nisbah antara nilai khi kuasa dua model peringkat pertama dengan nilai khi kuasa dua model peringkat kedua (Marsh & Hocevar, 1985). Nilai pekali sasaran ($T = 0.97$) yang diperolehi menunjukkan faktor pengurusan privasi facebook dapat menerangkan sebanyak 97 peratus kovarian antara tiga faktor yang lebih kecil. Dapatan perbandingan ini menyokong pemilihan model peringkat kedua sebagai satu pengukuran yang lebih tepat berbanding model peringkat pertama.

Jadual 6: Ketepatan Padanan Model Analisis Faktor Pengesahan Kajian 1

Model	χ^2	Df	P	χ^2/df	RMSEA	CFI	PNFI	T
Pentunjuk Diterima			>0.05	<2	<0.08	>0.90	>0.60	
Model Pertama (Satu faktor)	256.09	54	.000	4.74	0.161	0.510	0.381	
Model Kedua (Tiga faktor tidak berkorelasi)	108.800	54	.000	2.015	.084	.867	.632	
Model Ketiga (Tiga faktor berkorelasi)	82.18	51	.004	1.61	0.065	0.924	0.640	
Model Keempat (Tiga faktor peringkat pertama, satu faktor peringkat kedua)	82.45	52	.005	1.586	0.064	0.926	0.652	0.97

Perbincangan

Dapatan Analisis Faktor Penerokaan dalam kajian pertama menunjukkan bahawa tiga komponen yang dibentuk iaitu Sempadan Pemilikan, Sempadan Hubungan dan Sempadan Kebolehtelapan bertepatan dengan komponen skala versi asal yang dibangunkan berdasarkan

Teori Pengurusan Privasi Komunikasi (Child et al., 2009). Ketiga-ketiga komponen juga mencapai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Walau bagaimanapun, enam item digugurkan kerana gagal menunjukkan ciri sepadan. Ia turut menjadikan skala pengukuran ini lebih pendek. Analisis Faktor Pengesahan pula menunjukkan model multidimensi berdasarkan analisis faktor penerokaan mencapai ketepatan padanan yang baik. Semua item yang termuat masuk dalam model mencapai kesahan konvergen.

KAJIAN KEDUA

Langkah penting dalam proses pengadaptasian skala ialah menilai struktur yang telah dikenal pasti kepada sampel yang berbeza (DeVellis, 2017). Tujuan kajian kedua ini adalah untuk: (1) mengenal pasti struktur model pengukuran dengan menggunakan analisis faktor pengesahan, (2) mengenal pasti kesahan diskriminan Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook, dan (3) mengenal pasti kesahan nomologikal dan kesahan prediktif Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook terhadap Skala Pengukuran Kesedaran Kendiri.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian digunakan sebagai instrumen kajian ini. Bahagian A dan B terdiri daripada instrumen yang sama seperti Kajian 1. Bahagian C pula mengandungi Skala Pengukuran Kesedaran Kendiri yang diubahsuai (Scheier & Carver, 1985). Skala Pengukuran Kesedaran Kendiri asal dibangunkan oleh Fenigstein, Scheier dan Buss (1975), telah diuji kesahan dan digunakan dalam kajian berkaitan media sosial (Cingel, & Krmar, 2014; Varnali, & Toker, 2015). Dua dimensi skala ini digunakan dalam kajian ini iaitu (1) sejauhmana seseorang individu berfikir mengenai dirinya (sembilan item) dan (2) memikirkan pandangan orang lain terhadap dirinya (tujuh item). Semua skala likert lima tahap daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Sebagai skala summatif, skala ini mencapai kebolehpercayaan yang baik ($\alpha = 0.858$). Dimensi persendirian ($\alpha = 0.833$) terdiri daripada soalan seperti “Saya sering cuba untuk memahami diri sendiri” dan “Saya banyak memikirkan tentang diri sendiri”. Dimensi publik ($\alpha = 0.884$) terdiri daripada soalan antaranya ialah “Saya prihatin terhadap cara saya melakukan sesuatu” dan “Saya mengambil berat cara penampilan saya di khalayak ramai”.

Penganalisan Data

Empat model pengukuran yang dibina dalam kajian pertama telah dinilai dengan menggunakan Analisis Faktor Pengesahan bagi data kajian kedua. Selain itu, kajian ini turut membina model Analisis Faktor Pengesahan yang kelima bagi mengenal pasti kesahan diskriminan dan kesahan nomologikal Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook. Kesahan nomologikal diukur berdasarkan korelasi yang signifikan antara konstruk mengikut arah yang dicadangkan secara teori (Hair et al., 2010). Dalam kajian ini kesahan nomologikal ditentukan berdasarkan kajian terdahulu yang menunjukkan hubungan yang positif signifikan antara komunikasi berperantara komputer dengan kesedaran sendiri (Child, Pearson, & Petronio, 2009; Doherty & Schlenker, 1991; Joinson, 2001). Manakala kesahan prediktif pula ditentukan berdasarkan pengaruh Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook terhadap dua faktor

dalam Skala Kesedaran Kendiri iaitu dimensi persendirian dan dimensi publik. Analisis lanjutan dijalankan melalui pembentukan model struktural berbantuan perisian AMOS 22.0.

Dapatan Kajian

Hasil analisis empat faktor ditunjukkan dalam Jadual 7. Dapatan kajian kedua ini hampir serupa dengan kajian pertama. Model pertama tidak mencapai ketepatan padanan bagi semua petunjuk ($\chi^2 = 194.04$, $df = 54$, $P < 0.05$, $\chi^2/df = 3.59$, $RMSEA = 0.138$, $CFI = 0.504$, $PNFI = 0.362$). Model kedua juga tidak mencapai ketepatan padanan walaupun menunjukkan terdapat beberapa peningkatan ketepatan padanan ($\chi^2 = 135.22$, $df = 65$, $P < 0.05$, $\chi^2/df = 2.08$, $RMSEA = 0.089$, $CFI = 0.777$, $PNFI = 0.546$). Model ketiga pula menunjukkan ketetapan padanan yang baik ($\chi^2 = 58.17$, $df = 51$, $P = .228$, $\chi^2/df = 1.14$, $RMSEA = 0.032$, $CFI = 0.975$, $PNFI = 0.644$).

Petunjuk ketepatan padanan bagi model peringkat kedua iaitu model keempat juga menunjukkan dapatan yang hampir sama. Kesemua petunjuk mencapai ketepatan padanan yang baik ($\chi^2 = 58.17$, $df = 52$, $P = .259$, $\chi^2/df = 1.12$, $RMSEA = 0.029$, $CFI = 0.978$, $PNFI = 0.656$). Nilai pekali sasaran ($T = 1$) menunjukkan faktor pengurusan privasi Facebook sebagai faktor peringkat kedua dapat menerangkan 100 peratus tiga faktor yang lebih kecil. Berdasarkan nilai pekali sasaran tersebut, model peringkat kedua adalah model yang lebih baik berbanding model ketiga (Marsh & Hocevar, 1985).

Jadual 7: Ketepatan Padanan Model Analisis Faktor Pengesahan

Model	χ^2	<i>df</i>	<i>P</i>	χ^2/df	RMSEA	CFI	PNFI	T
Petunjuk padanan diterima			>0.05	<2	<0.08	>0.90	>0.60	
Model Pertama (Satu faktor)	194.04	54	.000	3.59	0.138	0.504	0.362	
Model Kedua (Tiga faktor tidak berkorelasi)	135.22	65	.000	2.08	0.089	0.777	0.546	
Model Ketiga (Tiga faktor berkorelasi)	58.17	51	.228	1.14	0.032	0.975	0.644	
Model Keempat (Tiga faktor peringkat pertama, satu faktor peringkat kedua)	58.17	52	.259	1.12	0.029	0.978	0.656	1
Model Kelima (kesahan diskriminan dan nomologikal bersama Skala Kesedaran Kendiri)	409.62	269	0.05	1.52	0.062	0.902	0.685	

Struktur faktor model keempat digunakan bersama struktur pengukuran kesedaran sendiri (Scheier & Carver, 1985) dalam model kelima untuk menguji kesahan diskriminan dan kesahan nomologikal. Dalam model ini tiada item dalam tiga faktor skala Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook termuat masuk ke dalam tiga faktor skala kesedaran sendiri yang menunjukkan wujud diskriminan antara faktor. Kedua-dua skala mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.25$, $P < 0.05$) dan menyokong kesahan nomologikal. Oleh itu, individu yang mempunyai kesedaran sendiri lebih cenderung menguruskan privasi komunikasi facebook mereka sebelum membuat perkongsian secara terbuka. Nilai petunjuk model, $\chi^2 =$

409.62, $df=269$, $p<0.05$, $\chi^2/df = 1.52$, CFI=0.902, PNFI=0.685 dan RMSEA=0.062 yang mencapai tahap yang baik menunjukkan ketepatan padanan antara model dan data.

Analisis lanjutan menggunakan model struktur dibuat untuk menentukan kesahan prediktif model peringkat pertama dan model peringkat kedua Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook (Hair et al., 2010). Berdasarkan kajian Child et al. (2009), dua konstruk iaitu dimensi persendirian dan dimensi publik dalam Skala Kesedaran Kendiri (Scheier & Carver, 1985) dipilih sebagai pemboleh ubah endogenous. Perubahan varians dimensi persendirian adalah sama iaitu sebanyak 9% apabila pengurusan privasi diuji sebagai model peringkat pertama ($R^2 = 0.09$, $p<0.05$) ataupun sebagai model peringkat kedua ($R^2 = 0.09$, $p<0.05$). Varians dimensi publik juga memberikan nilai yang sama iaitu 0.88% apabila pengurusan privasi diuji sebagai model peringkat pertama ($R^2 = 0.88$, $p<0.05$) ataupun sebagai model peringkat kedua ($R^2 = 0.88$, $p<0.05$). Dapatan ini menunjukkan skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook bagi model peringkat pertama dan model peringkat kedua mempunyai kesahan prediktif yang sama. Walau bagaimanapun, berdasarkan dapatan kesahan nomologikal, model peringkat kedua adalah lebih baik kerana lebih parsimoni berbanding model peringkat pertama.

Perbincangan

Dapatan keseluruhan kajian kedua menunjukkan model multidimensi Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook mencapai ketepatan padanan yang baik dan mencapai kesahan nomologikal berdasarkan hubungan yang signifikan antara Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook dengan Skala Kesedaran Kendiri. Skala ini turut mencapai kesahan diskriminan dan kesahan prediktif yang menyokong ciri-ciri psikometrik versi Bahasa Melayu bagi memahami pengurusan privasi komunikasi interpersonal dalam persekitaran Facebook (Yao, Rice, & Wallis, 2007). Oleh itu, individu yang mempunyai kesedaran sendiri persendirian dan kesedaran sendiri publik didapati kurang mengambil berat perihal pengurusan privasi Facebook mereka semasa dalam talian (Child et al., 2009). Dapatan kajian ini menunjukkan individu yang memperuntukkan banyak masa bagi mempertimbangkan pandangan orang lain tentang apa yang mereka paparkan di Facebook (kesedaran sendiri publik) berkongsi lebih banyak maklumat privasi melalui Facebook berbanding dengan mereka yang mempunyai kesedaran sendiri yang rendah (Child & Agyeman-Budu, 2010). Penggunaan dua kelompok responden berbeza dalam kajian pertama dan kajian kedua telah mengesahkan pembentukan struktur model peringkat kedua bagi Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook sebagai lebih baik. Walau bagaimanapun, kajian dalam skala yang lebih besar wajar dijalankan pada masa hadapan agar generalisasi yang lebih meluas dapat dibuat dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu kajian lanjutan secara jangka panjang juga perlu dilaksanakan dengan melibatkan pelbagai pemboleh ubah lain seperti kepercayaan dan kepekaan sebagai pemboleh ubah pengantara atau penyederhana.

KESIMPULAN

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri psikometrik iaitu aspek kesahan dan kebolehpercayaan Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook yang diadaptasi daripada Pengurusan Privasi Komunikasi Blog (Child, Pearson & Petronio, 2009). Keperluan untuk menterjemah skala ini adalah bagi membuka ruang kajian bagi memahami keterbukaan rakyat Malaysia dalam pengurusan privasi komunikasi interpersonal melalui Facebook. Hal ini perlu dilaksanakan kerana pengukuran pengurusan privasi komunikasi Facebook telah menarik perhatian pengkaji di negara Barat (Frampton & Child, 2013; Child & Starcher, 2016) yang perlu disusuli oleh negara di timur bagi mendapatkan manfaat dari penggunaan media ini dengan lebih berkesan.

Dapatan daripada kedua-dua kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa skala multidimensi Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook paling sesuai disusun dalam bentuk dua peringkat iaitu peringkat pertama dinamakan sebagai Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook dan peringkat kedua yang terdiri daripada komponen Sempadan Pemilikan, Sempadan Hubungan dan Sempadan Kebolehtelapan. Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook versi Bahasa Melayu ini telah mencapai kesahan konvergen, diskriminan, nomologikal, prediktif dan kebolehpercayaan yang baik. Dapatan ini juga konsisten dalam menunjukkan hubungan yang signifikan antara komunikasi berperantara komputer dengan kesedaran sendiri (Child, Pearson & Petronio, 2009; Doherty & Schlenker, 1991; Joinson, 2001).

Facebook perlu diakui menjadi media yang telah diterima oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia daripada kanak-kanak hingga dewasa. Namun, tumpuan kajian terhadap kesan penggunaan dan golongan pelajar sahaja tidak dapat menyerlahkan manfaat sebenar kepada pengguna di negara ini. Justeru itu, hasil kajian ini diharap akan dimanfaatkan oleh pengkaji medium Facebook untuk membantu pengguna menguruskan medium ini dengan lebih berhemah. Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook multidimensi versi Bahasa Melayu ini dapat digunakan untuk meneliti pengurusan Facebook oleh pelbagai kelompok pengguna di Malaysia. Kajian akan datang berasaskan Teori Pengurusan Privasi Komunikasi juga boleh menggabungkan Skala Pengukuran Pengurusan Privasi Komunikasi Facebook ini dan teori atau pemboleh ubah lain yang bersesuaian. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keputusan seseorang itu sama ada untuk mendedahkan atau menyimpan rahsia peribadi mereka (Petronio, 2002). Antara faktor-faktor tersebut ialah emosi, identiti dan keadaan diri seseorang itu sendiri. Usaha ini mampu mengembangkan kefahaman mengenai komunikasi interpersonal pengguna media sosial dalam konteks yang lebih pelbagai.

BIODATA

Dr. Mohd Sobhi Bin Ishak ialah pensyarah kanan pengajian media di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Fokus pengajaran beliau ialah teori media, kaedah penyelidikan media dan psikologi media. Kajian beliau berkaitan pembangunan instrumen, pengaruh dan kesan media terhadap agama, masyarakat dan politik. Email: msobhi@uum.edu.my

Dr. Azizah Binti Sarkowi ialah timbalan ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darulaman. Berkepakaran dalam bidang pendidikan, teknologi maklumat dan penilaian program. Fokus kajian berkaitan penilaian program pendidikan dan penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan. Beliau aktif mengendalikan kursus-kursus peningkatan profesionalisme guru di zon utara. Email: azizahs@ipda.edu.my

REFERENCES

- Abbas, R., & Mesch, G. (2016). Do rich teens get richer? Facebook use and the link between offline and online social capital among Palestinian youth in Israel. *Information, Communication & Society*, 1-17.
- Abdulahi, A., Samadi, B., & Gharlegghi, B. (2014). A study on the negative effects of social networking sites such as facebook among asia pacific university scholars in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 5(10).
- Archer, R. L., & Burleson, J. A. (1980). The effects of timing of self-disclosure on attraction and reciprocity. *Journal of Personality and Social Psychology*, 38(1): 120.
- Byrne, B. M. (2010). *Structural Equation Modeling with AMOS* (2nd ed.). Taylor & Francis Group.
- Child, J. T., & Agyeman-Budu, E. A. (2010). Blogging privacy management rule development: The impact of self-monitoring skills, concern for appropriateness, and blogging frequency. *Computers in Human Behavior*, 26(5), 957-963.
- Child, J. T., & Petronio, S. (2011). Unpacking the paradoxes of privacy in CMC relationships: The challenges of blogging and relational communication on the internet. In K. B. Wright & L. M. Webb (Eds.), *Computer-mediated communication in personal relationships* (pp. 21–40). New York: Peter Lang
- Child, J. T., & Starcher, S. C. (2016). Fuzzy Facebook privacy boundaries: Exploring mediated lurking, vague-booking, and Facebook privacy management. *Computers in Human Behavior*, 54, 483-490.
- Child, J. T., & Westermann, D. A. (2013). Let's be Facebook friends: Exploring parental Facebook friend requests from a communication privacy management (CPM) perspective. *Journal of Family Communication*, 13(1), 46-59.
- Child, J. T., Haridakis, P. M., & Petronio, S. (2012). Blogging privacy rule orientations, privacy management, and content deletion practices: The variability of online privacy management activity at different stages of social media use. *Computers in Human Behavior*, 28(5), 1859-1872.
- Child, J. T., Pearson, J. C., & Petronio, S. (2009). Blogging, communication, and privacy management: Development of the blogging privacy management measure. *Journal of the Association for Information Science and Technology*, 60(10), 2079-2094.
- Cingel, D. P., & Krcmar, M. (2014). Understanding the experience of imaginary audience in a social media environment: Implications for adolescent development. *Journal of Media Psychology: Theories, Methods, and Applications*, 26(4), 155.
- De Wolf, R., Willaert, K., & Pierson, J. (2014). Managing privacy boundaries together: Exploring individual and group privacy management strategies in Facebook. *Computers in Human Behavior*, 35, 444-454.
- DeVellis, F. R. (2017). *Scale development: Theory and applications* (4th ed.). Los Angeles. Thousand Oak: Sage.
- Doherty, K., & Schlenker, B. R. (1991). Self-consciousness and strategic self-presentation. *Journal of Personality*, 59, 1–18.

- Fox, J., Osborn, J. L., & Warber, K. M. (2014). Relational dialectics and social networking sites: The role of Facebook in romantic relationship escalation, maintenance, conflict, and dissolution. *Computers in Human Behavior*, 35, 527-534.
- Frampton, B. D., & Child, J. T. (2013). Friend or not to friend: Coworker Facebook friend requests as an application of communication privacy management theory. *Computers in Human Behavior*, 29(6), 2257-2264.
- Garson, G. D. (2009) *Structural equation modeling, statnotes: Topics in multivariate analysis* (last updated on 10th August 2009), [WWW document]. Retrieved from <http://faculty.chass.ncsu.edu/garson/PA765/structur.htm#amosboot>
- Hair, J. F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Helou, A. M., & Rahim, N. Z. A. (2014). The influence of social networking sites on students' academic performance in Malaysia. *International Journal of Electronic Commerce*, 5(2), 247-254.
- Hoe, C. S., & Rees, J. (2016). Decoding the Malaysian digital DNA: From smart to savvy. Retrieved from <https://www.bfm.my/enterprise-decoding-the-malaysian-digital-dna-jonathan-rees-chow-sang-hoe-ey.html>
- Hooper, D., Coughlan, J., & Mullen, M. R. (2008). Structural equation modeling: Guidelines for determining model fit. *Electronic Journal of Business Research Methods*, 6(1), 53–60.
- Hu, L., & Bentler, P. (1999). Cutoff criteria for fit indices in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6, 1-55.
- implications of generalized outcome expectancies. *Health Psychology*, 4, 219-247.
- Internet World Stats*. (2017). Asia Internet use, population data and Facebook statistics - March 2017. Retrieved from <http://www.internetworldstats.com/stats3.htm#asia>
- Jafarkarimi, H., Sim, A. T. H., Saadatdoost, R., & Hee, J. M. (2016). Facebook addiction among Malaysian students. *International Journal of Information and Education Technology*, 6(6), 465.
- Joinson, A.N. (2001). Self-disclosure in computer-mediated communication: The role of self-awareness and visual anonymity. *European Journal of Social Psychology*, 31, 177–192.
- Kennedy-Lightsey, C. D., & Frisby, B. N. (2016). Parental privacy invasion, family communication patterns, and perceived ownership of private information. *Communication Reports*, 29(2), 75-86.
- Kisekka, V., Bagchi-Sen, S., & Rao, H. R. (2013). Extent of private information disclosure on online social networks: An exploration of Facebook mobile phone users. *Computers in Human Behavior*, 29(6), 2722-2729.
- Kline, R. B. (2011). *Principles and practice of structural equation modeling* (3rd ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Krasnova, H., Spiekermann, S., Koroleva, K., & Hildebrand, T. (2010). Online social networks: Why we disclose. *Journal of Information Technology*, 25(2), 109-125.

- Marsh, H. W., & Hocevar, D. (1985). Application of confirmatory factor analysis to the study of self-concept: First-and higher order factor models and their invariance across groups. *Psychological Bulletin*, 97(3), 562.
- Miller, J. H., Danielson, C., Parcell, E. S., Nicolini, K., & Boucher, T. (2016). Blurred lines: Privacy management, family relationships, and Facebook. *Iowa Journal of Communication*, 48.
- Millham, M. H., & Atkin, D. (2017). Managing the virtual boundaries: Online social networks, disclosure, and privacy behaviors. *New Media & Society*, 1461444816654465.
- Naeemi, S., Tamam, E., Hassan, S. H., & Bolong, J. (2014). Facebook usage and its association with psychological well-being among Malaysian adolescents. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 155, 87-91.
- Nielsen. (2016). *Tops of 2016: Digital*. Retrieved from <http://www.nielsen.com/us/en/insights/news/2016/tops-of-2016-digital.html>
- Oeldorf-Hirsch, A., Birnholtz, J., & Hancock, J. T. (2017). Your post is embarrassing me: Face threats, identity, and the audience on Facebook. *Computers in Human Behavior*, 73, 92-99.
- Omar, B., & Subramanian, K. (2014). Addicted to Facebook: Examining the roles of personality characteristics, gratifications sought and Facebook exposure among youths. *GSTF Journal on Media & Communications (JMC)*, 1(1).
- Petronio, S. (1991). Communication boundary management: A theoretical model of managing disclosure of private information between marital couples. *Communication Theory*, 1, 311-335.
- Petronio, S. (2002). *Boundaries of privacy: Dialectics of disclosure*. New York: State University of New York Press.
- Petronio, S. (2010). Communication privacy management theory: What do we know about family privacy regulation? *Journal of Family Theory and Review*, 2, 175-196.
- Rosenthal, S. R., Buka, S. L., Marshall, B. D., Carey, K. B., & Clark, M. A. (2016). Negative experiences on Facebook and depressive symptoms among young adults. *Journal of Adolescent Health*, 59(5), 510-516.
- Scheier, M. F., & Carver, C. S. (1985). Optimism, coping, and health: Assessment and implications of generalized outcome expectancies. *Health Psychol.*, 4(3), 219-47.
- Schumacker, R. E., & Lomax, R. G. (2010). *A beginners guide to structural equation modeling*. New York: Routledge
- Sherby, L. B. (2005). Self-disclosure: Seeking connection and protection. *Contemporary Psychoanalysis*, 41(3), 499-517.
- Statista (2017). *Most famous social network sites worldwide as of April 2017, ranked by number of active users (in millions)*. Retrieved from <https://www.statista.com/statistics/272014/global-social-networks-ranked-by-number-of-users/>
- Su, C. C., & Chan, N. K. (2017). Predicting social capital on Facebook: The implications of use intensity, perceived content desirability, and Facebook-enabled communication practices. *Computers in Human Behavior*, 72, 259-268.

- Tabachnick, B.G. and Fidell, L.S. (2007), *Using multivariate statistics* (5th ed.). New York: Allyn and Bacon.
- Varnali, K., & Toker, A. (2015). Self-disclosure on social networking sites. *Social Behavior and Personality: an international journal*, 43(1), 1-13.
- Warren, A. M., Jaafar, N. I., & Sulaiman, A. (2016). youth civic engagement behavior on Facebook: A comparison of findings from Malaysia and Indonesia. *Journal of Global Information Technology Management*, 19(2), 128-142.
- Warren, A. M., Sulaiman, A., & Jaafar, N. I. (2015). Understanding civic engagement behaviour on Facebook from a social capital theory perspective. *Behaviour & Information Technology*, 34(2), 163-175.
- Yang, K. C., Pulido, A., & Yowei, K. A. N. G. (2016). Exploring the relationship between privacy concerns and social media use among college students: A communication privacy management perspective. *Intercultural Communication Studies*, 25(2).
- Zaremohzzabieh, Z., Samah, B. A., Omar, S. Z., Bolong, J., & Kamarudin, N. A. (2014). Addictive Facebook use among university students. *Asian Social Science*, 10(6), 107.
- Zlatolas, L. N., Welzer, T., Heričko, M., & Hölbl, M. (2015). Privacy antecedents for SNS self-disclosure: The case of Facebook. *Computers in Human Behavior*, 45, 158-167.